


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



ISSN 3063-6118

OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITIMESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIA
UITM 2025PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKATWACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENTSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Usia UiTM kini sudah boleh dianggap sebagai berpengalaman jauh melahirkan ramai graduan bumiputera profesional untuk keperluan industri. Sebagai universiti terbesar di Malaysia, sudah pasti tanggungjawab ini perlu dipikul dan dilaksanakan dengan baik. Kita akan mengorak langkah lebih jauh pada tahun mendatang dan tanggungjawab yang perlu dilaksana menjadi semakin mencabar dari tahun ke tahun.

Sebagai graduan UiTM, saya merasakan satu perkara yang perlu kita tambah baik dalam mendepani dunia masa hadapan iaitu melahirkan lebih ramai pengurus. Kejayaan kita ialah menggilap bakat yang lahir dari suasana sukar menjadi satu bintang dalam dunia pekerjaan. Ini telah terbukti dengan senarai alumni UiTM yang kini berada dalam pelbagai lapangan kerja. Namun begitu, sekiranya kita tambah nilai dengan kebolehan pengurusan, saya percaya UiTM akan bergerak lebih jauh.

Menjadi pengurus bukan sekadar dilantik mengetuai satu-satu organisasi. Pekerja sokongan juga boleh menjadi pengurus walaupun tiada nama pengurus, ketua, atau pengarah di hadapan nama mereka. Dalam erti kata lain, kita melahirkan graduan yang mempunyai kelebihan ilmu pengurusan yang tinggi. Bukan sekadar pengurusan orang bawahan tetapi juga, pengurusan diri sendiri. Oleh itu, semua warga UiTM diseru untuk menjadi pengurus walaupun tiada pangkat. Sekiranya perkara ini berjaya dilaksanakan, sesiapa sahaja yang berada dalam

sistem UiTM akan sentiasa bersedia memegang jawatan. Ini disebabkan oleh kesediaan kumpulan pekerja yang tidak berpangkat untuk membantu mengurus kerja mereka sendiri dengan lebih baik.

Setiap masa, kita akan mendengar kebolehan graduan UiTM sebagai pekerja yang menyokong satu-satu organisasi. Mereka membantu dalam memberi buah fikiran yang bernas kepada kejayaan organisasi. Namun begitu, permata yang baik ini akan kurang bersinar sekiranya hanya menjadi pembantu. Mereka perlulah bersedia menjadi pemimpin. Dan sekiranya graduan UiTM dibentuk menjadi pemimpin, kita percaya kekuatannya lebih hebat berbanding mereka yang lain. Ini disebabkan oleh kesediaan graduan UiTM untuk mengharung pelbagai cabaran.

Sudah ada sebahagian graduan UiTM memimpin organisasi utama negara dan dengan profesionalisme yang ditekankan semasa dalam belajar, UiTM sebenarnya bersedia untuk melahirkan lebih ramai graduan dengan kualiti pemimpin bumiputera yang memiliki pemikiran antarabangsa. Dalam menambah jumlah pemimpin dari kalangan graduan UiTM dalam pelbagai sektor pekerjaan, pelbagai usaha adalah amat diperlukan.

Salah satu daripada perkara yang diperlukan dalam membentuk graduan pemimpin UiTM ini ialah membentuk pemikiran bahawa kita bersedia untuk memimpin. Pelbagai kursus boleh disediakan dan ini akan membentuk graduan UiTM sebagai pemimpin yang bukan lagi pengikut tetapi sebaliknya menjadi pembina dasar negara.

Melahirkan Pengurus Bumiputera Profesional di UiTM

Walid Ali

Pensyarah Teater, Fakulti Filem, Teater dan Animasi



Untuk membentuk graduan pemimpin bumiputera ini maka, mereka perlulah dididik untuk menjadi graduan yang mempunyai profesionalisme yang tinggi dan etika kerja yang efisien. Ini harus bermula dari dalam bilik-bilik kuliah. Perkara yang biasa dianggap remeh oleh mahasiswa seperti datang lewat ke kelas atau tidak menghantar tugas dalam masa yang ditetapkan perlulah diberi perhatian mendalam oleh pensyarah UiTM. Untuk membentuk pemimpin hebat, kita perlu membentuk mahasiswa hebat. Pelajar perlulah dididik bahawa datang lewat dan mengabaikan tugas ialah satu sikap yang tidak baik dan akan merosakkan organisasi. Penekanan ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah oleh para pensyarah bagi menyelesaikan dua isu utama ini akan dapat membantu melahirkan lebih ramai pemimpin bumiputera. Ini kerana, pemimpin perlulah seorang yang hebat dan kehebatan seseorang bermula dengan keupayaan mereka menghargai masa dan menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan.

Ini seterusnya melahirkan graduan yang suka untuk menyumbang bakti semula kepada masyarakat dan juga kepada universiti. Dalam membentuk kesedaran sebagai pemimpin ini, para graduan akan dapat menjadi di kalangan mereka yang berjaya dalam menjana pendapatan kepada negara malah akan dapat membantu dalam pembinaan ekonomi. Kesedaran inilah yang amat kita perlukan. Justeru, pemimpin kelas pertama semuanya bermula dari dalam bilik-bilik kuliah. Dengan adanya penekanan etika dan profesionalisme ini maka, perjalanan untuk UiTM menjadi universiti yang lebih hebat pada masa mendatang akan menjadi lebih mudah.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.